

Darurat di Batu Sapi, PRK ditangguh

Pengisytiharan Seri Paduka langkah proaktif bendung jangkitan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam membuat Proklamasi Darurat di Parlimen Batu Sapi, sekaligus membatalkan dan menangguhkan pilihan raya kecil (PRK) kerusi itu pada 5 Disember ini.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata pengisytiharan darurat di Parlimen Batu Sapi sebagai langkah proaktif membendung jangkitan wabak COVID-19.

Proklamasi darurat itu berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dilakukan selepas memperhalusi penjelasan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mempersembahkan nasihat beliau susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri berhubung perkara itu.

"Selepas memperhalusi penje-

lasan Perdana Menteri dan sembah taklimat daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Ghani Salleh, Al-Sultan Abdullah berpuas hati bahawa adanya keperluan pengisytiharan proklamasi darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

"(Ini) bagi membolehkan suatu Ordinan dimashyurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 untuk membatalkan tarikh yang sudah ditetapkan bagi menjalankan PRK bagi P185 Batu Sapi, Sabah," katanya dalam satu kenyataan.

Ahmad Fadil berkata, serentak pengisytiharan itu apa-apa prosiding yang telah bermula bagi melaksanakan PRK Parlimen Batu Sapi tidak akan diteruskan bertujuan mengekang dan menghalang berlakunya gelombang keempat penularan COVID-19.

"Satu tarikh lain akan ditetapkan untuk PRK berkenaan," katanya.

SPR sebelum ini menetapkan hari penamaan calon PRK Batu Sapi pada 23 November; manakala hari pengundian 5 Disember dan pengundian awal pada 1 Disember.



Al-Sultan Abdullah berkenan menerima menghadap Muhyiddin di Istana Negara, semalam.

(Foto ihsan Istana Negara)

PRK itu diadakan susulan kematian penyandanganya, Datuk Liew Vui Keong pada 2 Oktober akibat jangkitan paru-paru.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah amat prihatin terhadap keselamatan rakyat ekoran kenaikan mendadak beberapa kluster baharu dan kes positif harian COVID-19 di negara ini sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-16 pada 26 September lalu.

"Sehubungan itu, Seri Paduka berpendapat amatlah wajar PRK ini dibatal dan ditangguhkan demi keselamatan rakyat jelata dan kesejahteraan negara," katanya.

Beliau berkata, perkenan Yang di-Pertuan Agong itu dilakukan dengan mengambil iktibar dan pengalaman daripada PRN Sabah yang menjadi faktor utama gelombang ketiga penularan COVID-19 di Malaysia.

Beliau berkata, baginda juga mengambil kira jumlah pemilih berdaftar yang tinggal di luar bahagian Parlimen Batu Sapi yang di-

jangka akan merentas daerah dan negeri untuk pulang mengundi.

"Berdasarkan data SPR, jumlah pemilih berdaftar Parlimen Batu Sapi adalah 32,962 orang dan sejumlah 3,170 orang daripadanya beralamat di luar bahagian Parlimen ini, termasuk di Semenanjung dan Sarawak.

"Di samping itu, dianggarkan sejumlah 16,000 pemilih beralamat umum iaitu tiada nombor rumah, dan akan menyukarkan pelaksanaan undi pos," katanya.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) juga merekodkan peningkatan mendadak sehingga 148.4 peratus iaitu sebanyak 3,842 kes kumulatif pada 10 Oktober lalu, selepas dua minggu dari hari mengundi.

"Kes positif harian COVID-19 terus meningkat secara mendadak dua minggu berikutnya dengan peningkatan sehingga 193.7 peratus iaitu sebanyak 11,285 kes kumulatif yang dicatatkan pada 24 Oktober lalu," katanya.

Berhubung peningkatan mendadak kes COVID-19, Seri Paduka mengulangi nasihatnya kepada rakyat supaya terus berdisiplin memainkan peranan masing-masing dalam membantu kerajaan dan pihak berkuasa membendung wabak ini demi keselamatan diri dan kesejahteraan negara.

"Baginda menzahirkan penghargaan dan sanjungan tinggi kepada wira dan wirawati di barisan hadapan atas ketabahan dan pengorbanan menjalankan tanggungjawab tanpa mengira masa dan penat lelah.

"Baginda berdua turut menzahirkan ucapan takziah kepada semua ahli keluarga mangsa COVID-19 dan berharap mereka tabah menghadapi dugaan.

"Al-Sultan Abdullah turut mengambil kesempatan ini mengajak seluruh rakyat untuk bersama baginda berdoa semoga wabak COVID-19 ini dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri dengan segera," katanya.